

UMNO-PEMIMPIN

1983

KUALA LUMPUR, 20 OGOS (BERNAMA) -- KEPIMPINAN PRESIDEN UMNO, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD DAN TIMBALANNYA, DATUK MUSA HITAM PERLU DIBERI SOKONGAN BERTERUSAN DAN JANGAN DITENTANG, SEORANG PERWAKILAN KE PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DISINI BERKATA HARI INI.

DATUK ZAKARIA YAHYA DARI SELANGOR BERKATA BELIAU BERHARAP TIDAK AKAN MUNCUL 'SATU PASUKAN' LAIN UNTUK MENENTANG KEPIMPINAN YANG ADA SEKARANG TERUTAMANYA SEMASA DIADAKAN PEMILIHAN.

INI ADALAH WAJAR MEMANDANGKAN KEPIMPINAN YANG ADA SEKARANG TELAH MEMBUKTIKAN KEWIBAAN DAN KEUNGGULAN MEREKA MENJALANKAN TUGAS DENGAN BAIK DAN BERKESAN, TAMBAHNYA KETIKA MEMBAHASKAN UCAPAN DASAR PRESIDEN PARTI.

BELIAU BERKATA USAHA PERLU DIJALANKAN BAGI MEMPASTIKAN KEPIMPINAN YANG ADA SEKARANG TIDAK TERGUGAT DALAM PEMILIHAN KELAK SUPAYA KESTABILAN POLITIK UMNO DAN KEPENTINGAN ORANG-ORANG MELAYU TIDAK TERJEJAS.

MENGENAI KEGIATAN LOBI-MELOBI, BERKEMPEN DAN PERBUATAN FITNAH MENFITNAH DAN SEBAGAINYA, BELIAU BERKATA PERKARA ITU ADALAH LUMRAH DALAM PROSES DEMOKRASI TETAPI PERBUATAN SEPERTI ITU MESTILAH ADA BATASANNYA.-

-- LAGI 1107/LK

ZCZC 0522:

UMNO-PEMIMPIN 2 KUALA LUMPUR

BELIAU MERAYU SUPAYA SEMUA KEGIATAN BERKEMPEN YANG DIJALANKAN BERLANDASKAN ETIKA DAN SOPAN SANTUN.

DALAM HAL INI BELIAU MEMINTA PARA PEMIMPIN PARTI TIDAK TURUT SAMA TERLIBAT MENDENGAR FITNAH-FITNAH YANG DILEMPARKAN SUPAYA KEADAAN TIDAK TERUS PORAK PERANDA.

BELIAU JUGA MENGGESA PARA PEMIMPIN MEMENUHI SEGALA JANJI DAN SERUAN KHUSUSNYA YANG BERTHUBUNG DENGAN SOAL PERPADUAN PARTI SUPAYA TIDAK TIMBUL TUDUHAN MENGATAKAN 'CAKAP TIDAK SERUPA BIKINI'.

MENGENAI DASAR EKONOMI BARU (DEB), BELIAU MEMINTA KERAJAAN MELANJUTKAN TEMPOH PENCAPAIAN PENYERTAAN 30 PERATUS BUMIPUTERA MELAMPAU TAHUN 1990 JIKA PERLU.

INI PERLU KERANA PENCAPAIAN SETAKAT INI MASIH BELUM MEMUASKAN, TAMBAHNYA.-- LAGI 1110/LK

UMNO-PEMIMPIN 3 KUALA LUMPUR

WAKIL PERGERAKAN WANITA PUAN AINON ARIFFIN BERPENDAPAT PUCUK PIMPINAN YANG DITERAJUI OLEH DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMANG BERUSAHA DENGAN BETUL TETAPI KADANGKALA DICEMAR OLEH PIMPINAN BAWAHAN.

+KALAU DATUK SERI DR. MAHATHIR BOLEH DIANGGAP SEORANG KONDUKTOR SEBUAH ORKESTRA YANG MEMAINKAN NADA TINGGI, ANGGOTA ORKESTRA ITU YANG KADANGKALA MEMAINKAN NADA SUMBANG,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA KUMPULAN-KUMPULAN ITU MEMBAWA UNSUR-UNSUR YANG TIDAK SIHAT UNTUK KEPENTINGAN DIRI SENDIRI DAN BERSEEDIA BERBUAT APA SAHAJA TERMASUK MENGUBAH PUCUK PIMPINAN PARTI UNTUK MENCAPAI HAJAT MEREKA.

BELIAU JUGA MAHU PUCUK PIMPINAN PARTI BERTERUS TERANG MENGENAI FIKIRAN MEREKA SUPAYA ANGGOTA-ANGGOTA PARTI DAPAT MENILAI DAN MEMBUAT PENENTUAN SENDIRI.

PUAN AINON JUGA MENGESYORKAN SUPAYA PERATURAN MENGENAI PENERIMAAN KEMASUKAN ANGGOTA PARTI DIPERKETATKAN SUPAYA ANASIR-ANASIR YANG

TIDAK DIINGINI DAPAT DITAPIS.

+AKIBAT KELONGGARAN ITU KINI DEMOKRASI DALAM PARTI DISALAHGUNAKAN OLEH 'ABU DAJAL' 'ABU JAHAL' DAN 'ABU LAHAB' YANG BERTINDAK MENGIKUT NAFSU MEREKA,+ KATANYA.

-- LAGI 1231/LK

ICZC 8537:

UMNO-PEMIMPIN 4 KUALA LUMPUR

PENGGUNAAN NAMA-NAMA TERSEBUT OLEH PUAN AINON KEMUDIAN DIBIDAS OLEH WAKIL DARI KELANTAN, ENCIK ANUAR HAJI MUSA YANG BERKATA LABEL-LABEL SEUMPAMA ITU TIDAK PERLU DIBERI SESAMA ANGGOTA.

+APAKAH PERPECAHAN ANTARA ANGGOTA PARTI SUDAH BEGITU SERIUS HINGGA PERLU DIBERI LABEL-LABEL KEPADA GOLONGAN-GOLONGAN TERTENTU?+ TANYA BELIAU.

ENCIK ANUAR BERKATA PUCUK PIMPINAN SEBAGAI TEMPAT MERUJUK BAGI PARA ANGGOTA, PERLU BERSIKAP ADIL TANPA MENYEBELAH SEBARANG PIHAK YANG MUNGKIN BERTANDING DALAM PEMILIHAN PARTI TAHUN HADAPAN.

KATANYA SETENGAH-SETENGAH ANGGOTA BERASA BIMBANG APABILA PUCUK PIMPINAN MEMBERI SARANAN BAHAWA IA MEMBERI PETUNJUK KEPADA GOLONGAN TERTENTU YANG DIANGGAP SESUAI DENGAN PUCUK PIMPINAN.

KATANYA PUCUK PIMPINAN HENDAKLAH MENYERAHKAN KEPADA PERWAKILAN UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN DAN IA TIDAK PERLU TAKUT KEPADA PERTANDINGAN KERANA INI AKAN MENGUKUHKAN PERPADUAN PARTI.

-- BERNAMA 1233/LK